

23/07/2004

Ku Li tidak mahu lagi tawar tanding Presiden Umno

By Misiah Taib

KUALA LUMPUR: Ketua Umno Bahagian Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah (gambar) membuat keputusan tidak akan menawarkan diri lagi bagi merebut jawatan Presiden selepas gagal dalam dua cubaannya, termasuk pada perhimpunan agung parti September ini.

Tengku Razaleigh, 67, yang cuma mendapat satu pencalonan daripada bahagiannya sendiri selepas 186 bahagian Umno menyelesaikan mesyuarat sehingga petang semalam, berkata cubaan kali ini adalah yang terakhir, lebih-lebih lagi usianya sudah lanjut.

Sehubungan itu, beliau mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang bakal menjadi Presiden Umno yang mutlak dan berikrar akan memberi sokongan penuh kepada Perdana Menteri.

Abdullah menang tanpa bertanding bagi jawatan Presiden Umno selepas melepasi had maksimum 134 pencalonan yang diperlukan bagi mengetepikan Tengku Razaleigh - satu-satunya calon yang menawarkan diri untuk merebut jawatan itu. Sehingga petang semalam, Perdana Menteri memperoleh 185 pencalonan.

Pada 1987, Tengku Razaleigh turut mencabar Tun Dr Mahathir Mohamad untuk jawatan tertinggi parti itu, tetapi kalah.

Pada sidang akhbar di kediamannya di Jalan Langgak Golf di sini, semalam, Tengku Razaleigh tidak menafikan merasa sedikit kecewa berikutan gagal dalam cubaannya bertanding jawatan tertinggi dalam parti.

Ahli Parlimen Gua Musang itu bagaimanapun berkata, sebagai seorang 'gentleman' beliau menerima dengan baik keputusan bahagian yang tidak mencalonkannya.

"Bagi saya kes ini (pertandingan untuk merebut jawatan Presiden) sudah tutup. Saya menerima keputusan bahagian-bahagian. Tidak ada apa-apa nak diungkit lagi," katanya.

Namun, katanya, kegagalan itu bukan bermakna penghujung kepada segala-galanya termasuk perjuangan beliau dalam politik.

"Saya tetap akan aktif dalam politik dan tidak akan bersara selagi kesihatan mengizinkan. Saya masih sihat, sering bersenam... berenang setiap hari.

"Cara pemikiran saya juga konsisten, tidak pernah berubah sejak dulu. Bagi saya setiap orang yang menyertai perjuangan politik, mesti mempunyai cita-cita tinggi.

"Kalau tidak, tak payah masuk politik kerana nak jadi 'pak turut' saja. Baik pergi kedai kopi... sedap minum kopi, kenyang balik tidur," katanya yang pertama kali membuat kenyataan selepas gagal mendapat pencalonan mencukupi untuk bertanding jawatan Presiden Umno.

Diminta mengulas satu saja pencalonan yang diperolehnya kali ini, berbanding 49 peratus pencalonan diterimanya pada 1987 bagi jawatan sama, beliau berkata, keadaan sekarang jauh berbeza berbanding dulu.

"Saya rasa suasana dah berubah. Isu pun berlainan dan kali ini pun saya bukan nak menawarkan diri untuk melawan sesiapa. Saya cuma mahu ahli Umno diberikan hak untuk memilih pemimpin dan pemimpin yang dipilih biarlah mendapat restu orang ramai.

"Dalam parti, saya rasa lebih elok kalau pemimpin dijulang naik dengan restu ahli-ahlinya. Dengan ini pemimpin terbabit akan mendapat kekuatan yang lebih daripada biasa dengan sokongan padu ahli di semua peringkat," katanya.

Tengku Razaleigh mengulangi bahawa beliau menawarkan diri sebagai

jolokan supaya ahli parti yang mengamalkan demokrasi tidak lupa kepada tanggungjawab, bahawasanya pemimpin yang diangkat mesti disokong dan diberi kerjasama penuh.

"Sekarang kita telah menentukan pemimpin kita dengan memberikan pencalonan begitu banyak. Dalam apa keadaan sekalipun kita rasa puas hati kerana beliau diangkat dengan sokongan padu," katanya.

Mengenai keputusan Jawatankuasa Pengurusan kelmarin yang memutuskan Mesyuarat Wanita Umno Bahagian Gua Musang 16 Julai lalu sebagai sah dan mesyuarat semula kelmarin sebagai tidak sah, Tengku Razaleigh berkata, beliau terkejut membaca laporan akhbar mengenai perkara itu.

"Saya tidak berada di Gua Musang semalam (kelmarin) kerana baru balik dari luar negara. Saya ingat semuanya berjalan dengan baik kerana apa yang berlaku di Gua Musang membabitkan pentadbiran parti," katanya.

Beliau berkata, sepatutnya perkara itu diserahkan kepada bahagian untuk menyelesaikannya kerana mengikut perlembagaan parti ia berada dalam bidang kuasa bahagian.

"Saya tidak tahu bagaimana perkara itu boleh dirujuk ke ibu pejabat. Sepatutnya biar bahagian selesaikan dulu, kalau tidak boleh barulah ibu pejabat yang cuba selesaikan," katanya.

Bagaimanapun, Tengku Razaleigh berkata, ibu pejabat parti mempunyai kuasa penuh dan beliau akur dengan keputusan berkenaan serta akan menghantar laporan mengenainya.

Sambil tidak menafikan Wanita Gua Musang kini berpecah dua kerana `ada dua ketua' (yang dipilih pada 16 Julai dan pada 21 Julai), beliau berkata, Umno Bahagian Gua Musang akan berusaha mendamaikan kedua-dua pihak yang berpecah itu.

Beliau turut menafikan keputusan mengarahkan sayap Wanitanya bermesyuarat semula sebagai tindak balas terhadap ikrar pergerakan Wanita bahagian itu menyokong kepimpinan Abdullah.

"Tidak ada kena mengena. Mereka nak calon siapapun saya tak larang. Saya sekarang pun dah sokong Abdullah. Tidak ada kisah bagi saya. Saya terima keputusan ahli," katanya.

(END)